

14 OCT 2002

Mahathir-Kakitangan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

DR MAHATHIR HARGAI KECEKAPAN - 2

Dr Mahathir berkata kerajaan juga mengendalikan sejumlah wang yang besar yang kini mencecah berpuluh-puluh bilion ringgit dan ini memerlukan kecekapan pengurusan perbelanjaan.

Beliau berkata jika elemen itu tidak wujud dan tanpa sikap amanah di kalangan kakitangan kerajaan, wang yang banyak itu tidak akan dapat menjana hasil kepada negara dan rakyat.

Perdana Menteri turut memuji sikap anggota perkhidmatan awam yang tidak mengambil tindakan keterlaluan sehingga boleh merosakkan jentera pentadbiran.

"Selama lebih 20 tahun, saya bersyukur kerana tidak ada berlaku mogok di kalangan kakitangan kerajaan," katanya sambil berterima kasih kepada kesatuan sekerja berkenaan yang sedia berunding dengan kerajaan bagi menyelesaikan segala masalah dengan penuh perasaan tanggungjawab.

Selain itu, Dr Mahathir berkata pemilihan kakitangan kerajaan kini juga dibuat tanpa mengambil kira hubungan kekeluargaan, tidak seperti satu ketika dahulu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

-- BERNAMA

MAM MAM MOZ